

Bank China sumbang 15,000 topeng muka kepada Malaysia

Malaysiakini

19 Mac 2020

Bank China Construction (Malaysia) telah menyumbangkan sebanyak 15,000 topeng muka kepada Malaysia dalam usaha membantu membendung penularan ancaman pandemik Covid-19.

Menurut kedutaan China di Kuala Lumpur, topeng muka yang disumbangkan oleh institusi kewangan milik China itu akan dihantar ke Hospital Sungai Buloh - hospital utama yang dikhususkan merawat penyakit berjangkit dan merawat mangsa Covid-19.

Hantaran pertama yang dibuat itu termasuk 5,000 topeng dan 10,000 penutup muka (face shield).

“Ini hanya kumpulan barangan pertama, banyak akan dihantar lagi.

“Hantaran pertama barangan dari China itu sedang dalam perjalanan untuk dihantar ke Sungai Buloh,” kata kedutaan itu.

Semalam, Duta Besar China ke Malaysia Bai Tian berjumpa dengan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin dan kedua-dua mereka telah berbincang mengenai pandemik berkenaan serta bantuan yang bakal disalurkan oleh China.

"China dan Malaysia berkongsi kesenangan dan kesusahan bersama, China akan terus membantu menyokong Malaysia menewaskan Covid-19," kata Bai.

Bulan lalu, Malaysia menyumbangkan 18,000 pasang sarung tangan kepada China yang terkesan ancaman wabak itu.

Hari ini, China mencipta sejarah dengan tiada pesakit yang dijangkiti buat pertama kali manakala Malaysia pula terpaksa melaksanakan perintah kawalan pergerakan bagi membendung penularan wabak Covid-19.

Sejak tengah hari semalam, Malaysia mencatatkan sejumlah 790 pesakit dijangkiti positif wabak Covid-19.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/515455>